



UNTUK EDARAN  
SEGERA

## SIARAN MEDIA

### NOTIS TAWARAN PENGAMBILALIHAN SECARA SUKARELA BERSYARAT KEPADA BOUSTEAD HOLDINGS BERHAD

**Kuala Lumpur, 02 Mac 2023** - Lembaga Tabung Angkatan Tentera ("LTAT atau Penawar") hari ini, mengumumkan bahawa telah mengeluarkan Notis mengenai tawaran pengambilalihan secara sukarela bersyarat ("Tawaran") kepada Lembaga Pengarah Boustead Holdings Berhad ("BHB") untuk baki 822,510,779 saham dalam BHB atau 40.58% yang tidak dipegang oleh LTAT untuk tawaran tunai sebanyak RM0.855 seunit saham.

Untuk makluman, BHB yang merupakan anak syarikat LTAT di mana LTAT memiliki saham sebanyak 59.42% ialah sebuah konglomerat pelbagai dengan perniagaan teras yang merangkumi sektor perladangan, hartanah, perindustrian, farmaseutikal, industri berat, perdagangan, kewangan dan pelaburan.

Tawaran ini, adalah tidak bersyarat pada tahap minimum penerimaan kerana LTAT sudah memegang lebih daripada 50% saham mengundi dalam BHB.

Walau bagaimanapun, Tawaran bersyarat ini adalah berlandaskan kepada perkara-perkara berikut : -

- (i) Kelulusan Menteri Kewangan ("MoF") atas syor Bank Negara Malaysia ("BNM") dan kelulusan BNM di bawah Seksyen 87 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 ("FSA") dan Seksyen 99 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 ("IFSA") untuk membenarkan Penawar memperoleh sehingga 100% kepentingan ekuiti dalam BHB; dan
- (ii) Pengecualian BNM daripada mematuhi Seksyen 110 FSA dan Seksyen 122 IFSA berhubung dengan keperluan untuk LTAT dan/atau syarikat yang dinamakannya diluluskan sebagai syarikat pemegang kewangan Affin Bank Berhad dan entiti berlesen yang berkaitan .

Syarat-syarat ini mestilah dipenuhi dalam tempoh 21 hari selepas Tarikh Tutup Pertama, seperti yang ditetapkan dalam Peraturan Pengambilalihan, Percantuman dan Pengambilalihan Wajib yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Tawaran tersebut merupakan langkah signifikan bagi LTAT dalam pengambilalihan BHB yang membolehkan fleksibiliti untuk melaksanakan pelan pemulihan BHB bagi memastikan kemampanan Tabung untuk Angkatan Tentera serta pesara tentera, selaras dengan pelan transformasi LTAT yang sedang dilaksanakan.

Dalam pada itu, LTAT pada masa ini tidak mempunyai sebarang rancangan untuk memberhentikan atau mengstruktur semula pekerja Kumpulan BHB sebagai akibat langsung daripada Tawaran tersebut.

Tawaran ini, bukanlah tawaran mandatori daripada LTAT untuk memperoleh semua baki saham mengundi dalam Affin Bank Berhad, Boustead Plantations Berhad, Boustead Heavy Industries Corporation Berhad dan Pharmaniaga Berhad yang belum lagi dipegang oleh LTAT secara langsung atau tidak langsung. Hal ini demikian kerana LTAT telah mempunyai kawalan berkanun ke atas BHB.

----- TAMAT -----

## **Mengenai LTAT**

Ditubuhkan pada bulan Ogos 1972 di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (Akta 101), LTAT merupakan sebuah institusi badan berkanun yang menyediakan kemudahan Skim Simpanan Persaraan kepada para Pegawai dan anggota lain-lain pangkat Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta pesara tentera. Terbaru, Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 telah diumumkan pindaannya pada 1 November 2022.

Sehingga kini, LTAT mempunyai seramai 116,456 pencarum ATM dengan 110,792 ahli aktif. Di bawah skim LTAT, pencarum wajib dikehendaki mencarum 10% daripada gaji bulanan dan Kerajaan akan mencarum sebanyak 15% sebagai majikan kepada LTAT. Di bawah skim simpanan bagi pencarum sukarela, simpanan dibenarkan sekurang-kurangnya RM25 sebulan sehingga had maksimum RM2,000 sebulan.

LTAT menguruskan hampir RM10.4 bilion Aset Di bawah Pengurusan setakat 31 Disember 2022 dengan pengisytiharan dividen sebanyak 4.1% kepada pencarum pada tahun 2021, selepas pembayaran tahun sebelumnya sebanyak 3.5% pada tahun 2020, 2.5% pada tahun 2019 dan 2% pada tahun 2018.

### **PERHUBUNGAN MEDIA:**

**Izzat Alhadjri**

**Pengarah dan Ketua Komunikasi**

E-mel : [izzat.alhadjri@ltat.gov.my](mailto:izzat.alhadjri@ltat.gov.my)

No. Tel : +60192180792

Laman web : [www.ltat.gov.my](http://www.ltat.gov.my)